

# Silat Melayu pusaka yang dibanggakan hingga kini

**SENI** silat adalah satu-satunya kesenian Melayu yang dipusakai hingga kini dan masih dibanggakan oleh orang Melayu.

Kedaulatannya tetap diyakini dan maruahnya pantang dicabar kerana Seni Silat Melayu adalah hak milik bangsa Melayu.

Harus disedari hanya Seni Silat Melayu saja, satu-satunya seni persembahan Melayu yang boleh diiktirafkan sebagai seni kebangsaan Melayu yang harus dipertahankan, malah ditonjolkan dalam Kebudayaan Kebangsaan memnadangkan ia tetap wujud dan bertaburan sebagai cendawan di setiap pelusuk tanahair kita.

Boleh dikatakan setiap negeri, daerah dan kampung ada kumpulan ataupun pertubuhan seni silatnya yang tersendiri. Sebagai contoh di negeri Kedah sahaja terhimpun berpuh kumpulan seni silat. Di antaranya ialah Silat Kalimah, Seni Silat Gayung Petani, Silat Laksamana, Silat Serendeng, Seni Silat-Abjad, Seni Silat Pancasila, Silat Terlak, Silat Melayu Jati Kedah, Silat Gayung Lanang, Seni Silat Cekak, Silat Garuda, Silat Tari Inai Kedah dan Silat Serendeng Tapak Sembilan.

Sungguhpun terdapat bermacam-macam jenis atau nama, Seni Silat Melayu di Malaysia secara mudah bolehlah digolongkan kepada tiga kategori utama iaitu:

1. Kategori Seni Silat Tari;
2. Kategori Seni Silat Jatuh;

### 3. Kategori Seni Silat Buah.


Seni silat tari ialah sejenis silat yang mempunyai fungsi hiburan semata-mata. Ia lebih mementingkan faktor estetik dalam pergerakan tubuh badan sebagaimana dipentingkan dalam seni tari Melayu. Sedikit masa dulu ia sangat popular dipersembahkan untuk menyambut ketibaan pengantin atau untuk menghiburkan pengantin lelaki dan pengantin perempuan yang sedang dipersandingkan di atas pelamin dengan gerakgerinya yang lembut dan seni.

### Dikenali

Disebabkan fenomena ini Seni Silat Tari dikenali juga dengan nama Seni Silat Pengantin ataupun Seni Silat Pulut (terutamanya di negeri Kelantan).

Pada masa kini Seni Silat Tari ini masih diadalkan di kampung-kampung dan dipersembahkan ketika menyambut ketibaan orang kenamaan seperti Pegawai Daerah atau Ahli Yang Berhormat yang melawat sekali-sekala.

Tidaklah menjadi suatu kesalahan rasanya kalau Seni Silat Tari dianggap sebagai satu jenis ataupun bentuk tarian. Kemungkinan besar, ia adalah satu bentuk tarian Melayu yang mula-mula sekali wujud dalam kebudayaan Melayu sebelum munculnya tarian-tarian tradisional Melayu lain seperti Tarian Melayu



## Warisan

Oleh TITS, IBKKM, UKM  
(Rencana pertama dari 2 bahagian)

Asli, Tarian Inang, Tarian Zapin dan Tarian Joget.

Seni Silat Jatuh pula lebih memberatkan ilmu ataupun seni mempertahankan diri mengikut istilah zaman sekarang. Seni silat ini dinamakan Seni Silat Jatuh kerana menjatuhkan musuh adalah tujuan utama seni silat ini sepertimana diutamakan dalam ilmu pertahanan diri bangsa asing (terutamanya di kawasan Timur) seperti Sumo dan Judo di negeri Jepun dan gusti di negara-negara Eropah dan Amerika Utara.

Dalam Seni Silat Jatuh kekuatan tenaga fizikal dan berat badan seseorang menjadi faktor yang amat penting untuk menentukan kekalahan seseorang musuh. Faktor lain yang boleh menjamin kemenangan dalam seni silat ini ialah kecekapan dan ketangkasan seseorang ahli silat menyempurnakan teknik tangkap-menangkap ketika bertarung.

Di setengah-setengah

negeri, Seni Silat Jatuh dikenali juga dengan panggilan Seni Silat Melayu Asli ataupun Seni Silat Jawi.

Seni Silat Buah pula adalah seni silat yang kurang mementingkan kekuatan fizikal dan teknik tangkap-menangkap untuk mengalahkan seseorang musuh. Ia lebih mengutamakan kelincahan dan kepantasan seseorang ahli silat semasa melakukan beberapa unsur pergerakan mempertahankan diri sebagaimana yang terdapat pada seni mempertahankan diri Karate, Tae Kwon Do, Tomoi dan Boxing. Pergerakan-pergerakan seperti tumbuk-menumbuk, tendang-menendang, tepis-menepis dan elak-mengelak sangatlah ketara dalam seni silat.

Walaupun bagaimanapun, setiap kategori Seni Silat Melayu ini terbahagi pula kepada dua iaitu yang tanpa menggunakan senjata dan yang menggunakan senjata.

PENCERMINAN

20 JAN 1985

20 JAN 1985